

**SOALAN NO. 99**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**  
**[ PENGERANG ]**

**SOALAN NO. 99**

Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah punca kelewatan dalam membentangkan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual dalam sesi Parlimen kali ini serta sejauh mana Kerajaan serius dalam mewujudkan daftar pesalah jenayah seksual di Malaysia bagi memantau pergerakan penjenayah seksual demi keselamatan semua khususnya kanak-kanak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menyedari wujud keperluan untuk menyediakan kerangka perundangan yang khusus atau *standalone act* berkenaan gangguan seksual walaupun telah ada beberapa perundangan sedia ada di Malaysia yang boleh diguna pakai bagi kes-kes melibatkan gangguan seksual. Akta berkaitan gangguan seksual perlu digubal untuk memberi perlindungan kepada mangsa lelaki dan wanita selain bertujuan untuk memberi keadilan kepada mangsa yang tertindas.

Namun begitu, Kerajaan perlu berhati-hati terhadap penggubalan atau pindaan sesuatu akta bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan akta ini oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Definisi gangguan seksual juga perlu diperhalusi agar tidak membuka ruang kepada pelaporan palsu atau sebarang isu dalam pelaksanaan akta ini kelak. Oleh yang demikian, pada tahun ini, Kementerian telah menubuhkan *Special Project Team Rang Undang-Undang Gangguan Seksual (SPT RUU GS)* untuk menggubal draf RUU sebelum dikemukakan kepada Jabatan PEGUAM NEGARA. Keahlian SPT RUU GS ini terdiri daripada Kementerian/Jabatan/Agensi, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) serta individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas berkenaan isu gangguan seksual. Sekiranya proses ini berjalan lancar, RUU GS dijangka untuk dibentangkan pada tahun ini.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan masyarakat (JKM) sedang mengukuhkan data dalam Daftar Kanak-Kanak yang diwujudkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Di mana sebelum ini Daftar Kanak-Kanak ini hanya menekankan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, Daftar ini kini akan diperkuuhkan untuk kegunaan ibu bapa, majikan atau orang berkepentingan sebagai suatu mekanisme saringan individu yang diambil bekerja dalam sektor yang melibatkan kanak-kanak. Dalam usaha ini, Kementerian sedang bekerjasama dengan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk memastikan semua pesalah yang disabitkan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 direkodkan

## **SOALAN NO. 99**

dalam daftar ini. Melalui kerjasama antara-agensi berterusan, Kerajaan akan memastikan maklumat dalam Daftar Kanak-Kanak akan terus dikemas kini sehingga lengkap dengan semua rekod pesalah yang disabitkan apa-apa kesalahan terhadap mangsa kanak-kanak.

Pada masa yang sama, Kementerian sedang mengkaji model semakan yang lebih kukuh bagi jangka masa panjang berdasarkan model di negara lain antaranya *Children's Workers Safety Checks* di New Zealand, *Working With Children Check* di Australia, dan *Disclosure And Barring Service (DBS)* di United Kingdom.